



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	29/6/2021	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	KeTSA/ TNB			

Penularan COVID-19

Rebat elektrik diteruskan

9.44 juta pengguna menikmati diskaun mulai Julai hingga akhir tahun

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pemilik akaun Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dianggarkan 9.44 juta pengguna akan terus menikmati rebat elektrik 2 sen bagi setiap kilowatt jam (kWJ) bermula 1 Julai hingga hujung tahun ini.

Perkara itu diumumkan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah pada sidang media khas, semalam.

Beliau berkata, ia susulan persetujuan kerajaan membiayai pemberian rebat tambahan sebanyak 0.87 sen/kWJ yang membolehkan peruntukan RM493 juta melalui dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

Katanya, pengumuman rebat itu mengambil kira cabaran dan kesukaran dihadapi rakyat berikutan pelaksanaan fasa pertama kawalan pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilaksanakan bagi mengesahkan penularan wabak pandemik



Shamsul Anuar pada sidang media khas mengenai kadar rebat elektrik di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

COVID-19 di negara ini.

"Kerajaan bersetuju membiayai pemberian rebat tambahan 0.87 sen/kWJ membolehkan peruntukan RM493 juta menerusi dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

"Pemberian rebat tambahan ini membolehkan semua pemilik akaun TNB menikmati purata diskaun sebanyak lima peratus bagi tempoh terbabit," katanya, semalam.

Mengulas lanjut, Shamsul Anuar berkata, rebat elektrik yang boleh dilepaskan kepada pengguna selepas melalui mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang atau *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT)

Katanya, ia selaras pelaksanaan mekanisme penetapan tarif

elektrik di Semenanjung yang dilaksanakan sejak 2014 dan pelarasan kos penjagaan elektrik yang perlu dilaksanakan setiap enam bulan melalui ICPT.

"Bagi tempoh 1 Julai hingga 1 Disember 2021, kos ICPT yang perlu diselaraskan adalah RM638.98 juta. Ini bermakna kadar rebat elektrik yang boleh dilepaskan kepada pengguna ialah 1.13 sen/kWJ berbanding kadar rebat bagi tempoh Januari hingga Jun 2021, iaitu 2 sen/kWJ.

"Peningkatan kos ICPT berlaku berikutan peningkatan kos pembekalan gas dan arang batu bagi tempoh Januari hingga Jun 2021," katanya.

Selain itu, buat kali pertama, Shamsul Anuar berkata, kerajaan juga bersetuju memberi rebat

elektrik 2 sen/kWJ kepada pengguna bukan domestik di kawasan Kulim High Technology Park (KHTP) bermula 1 Julai sehingga 31 Disember ini.

Katanya, ketika ini pengguna KHTP mendapat bekalan elektrik dari NUR Power Sdn Bhd.

"Ini kali pertama pengguna bukan domestik di KHTP menikmati rebat elektrik sejak mekanisme penetapan tarif *Incentif-Based Regulations* (Kawal Selia Berdasarkan Insentif) dilaksanakan pada 2017.

"Pemberian rebat ini dilaksanakan berikutan berlakunya penurunan harga bahan api gas dan bekalan elektrik pukal TNB pada separuh tahun pertama 2021 serta penjimatan daripada pelarasan kos sebenar bahan api bagi tempoh Julai hingga Disember 2020," katanya.

Kepada golongan miskin tegar dengan pendapatan RM1,169 ke bawah yang berdaftar dengan sistem e-Kasih, Shamsul Anuar berkata mereka layak memperoleh rebat bil elektrik RM40.

Beliau berkata, masih ada keluarga masih belum mengemas kini nombor akaun dengan pihak utiliti bagi melayakkan mereka menerima manfaat rebat.

"Sehingga Mei 2021, jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak ialah 282,182. Bagaimanapun, hanya 113,745, iaitu 40.31 peratus daripada KIR yang layak sudah mengemas kini nombor akaun bil elektrik mereka," katanya.